

BN kemukakan calon dinamik — Mahathir

UM 12 OCT 1990

JITRA 11 Okt. — Kesemua calon-calon Barisan Nasional yang dipilih untuk bertanding pada pilihanraya umum 21 Oktober ini adalah terdiri dari mereka yang dinamik, berkelulusan tinggi dan berwibawa dalam politik, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya terdapat dua kategori calon yang mewakili Barisan iaitu mereka yang dinamik dan berkelulusan tinggi dan satu lagi ialah yang kurang kelulusan akademik tetapi mempunyai kewibawaan tinggi dalam politik.

Malah tambah beliau pada setiap kali pilihanraya bilangan calon Barisan Nasional yang mempunyai kelayakan dari segi akademik dan kewibawaan politik semakin ramai sehingga menimbulkan masalah untuk dibuat pemilihan.

"Masalah kita bukan tidak ada calon tetapi terlalu ramai yang berkelayakan sehingga sukar unuk membuat pemilihan," tegas Perdana Menteri.

Bercakap kepada para pemberita di pejabat daerah di sini selepas penamaan calon, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan keyakinan calon-calon Barisan Nasional akan diterima oleh rakyat dan akan berjaya memerintah semula.

Beliau menambah golongan inilah yang telah mentadbir kerajaan sehingga berada di tangga ke lima dari 135 negara membangun dewasa ini.

Malah katanya akibat krisis Teluk dan kenaikan harga minyak

LIHAT MUKA 2

UM 12 OCT 1990 BN KEMUKAKAN CALON DINAMIK

telah menjejaskan ekonomi keempat-empat negara yang berada di hadapan sebaliknya Malaysia tidak mengalami tekanan ini.

Ketika ditanya tentang Gagasan Barisan Rakyat yang baru ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh di saat-saat menjelang hari penamaan calon, Perdana Menteri berkata, langkah itu jelas menunjukkan bahawa pembangkang sudah berpecah dan awal-awal lagi menunjukkan mereka tidak boleh menubuh kerajaan.

"Bagaimana nak memerintah sedangkan semasa nak berunding pun Tengku Razaleigh tidak boleh duduk semeja dengan

pemimpin-pemimpin dari Pas dan DAP," ujarnya.

"Bila nak berunding dengan DAP, Tengku Razaleigh suruh pemimpin Pas duduk di luar dan begitulah sebaliknya," tambah beliau.

Mengulas mengenai peluang calon-calon Parti Semangat 46 di Negeri Kedah, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata mereka terdiri dari calon-calon jelmaan yang menumpang Pas atau HAMIM dan yang tidak mempunyai bakat dalam politik.